

KEJOHANAN BADMINTON
SEMPENA HARI WANITA SEDUNIA 2016

Kejohanan ini akan dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jawantankuasa Penganjur dan Undang-Undang Badminton.

Peraturan asas pertandingan hendaklah dipatuhi kecuali jika peruntukan tertentu terkandung dalam peraturan ini.

Semua keputusan yang dibuat oleh Jawantankuasa Penganjur adalah muktamad.

1) KELAYAKAN PASUKAN

1.1) Pemain negeri semasa dibenarkan untuk bermain.

1.2) Hanya seorang (1) pemain negeri dibenarkan dalam setiap pasangan bagi acara beregu.

1.3) Bekas pemain kebangsaan dibenarkan main. **(Pemain Kebangsaan semasa tidak dibenarkan main).**

2) PENDAFTARAN PEMAIN

2.1) Setiap pemain perlu membawa kad pengenalan atau sijil kelahiran semasa pendaftaran.

3) PENGGANTIAN

3.1) Sebarang perubahan atau penggantian pada senarai berdaftar perlu diputuskan semasa mesyuarat pengurus dan sebarang perubahan atau penggantian tidak akan dilayan selepas mesyuarat pengurusan tersebut.

4) FORMAT KATEGORI PERTANDINGAN

4.1) Semua perlawanan dijalankan mengikut sistem "kalah mati".

4.2) Acara-acara bagi kejohanan adalah seperti berikut:

4.2.1) Perseorangan perempuan berumur 12, 16 tahun dan terbuka.

4.2.2) Beregu perempuan berumur 12, 16 tahun dan terbuka.

4.2.3) Perseorangan, beregu dan beregu campuran terbuka.

5) SISTEM PEMARKAHAN

5.1) Bagi pusingan pertama (1) sehingga pusingan suku akhir (15 mata terbaik daripada 3 set).

5.2) Bagi pusingan separuh akhir & akhir (21 mata terbaik daripada 3 set).

6) YURAN PENYERTAAN

6.1) Yuran penyertaan bagi kategori beregu adalah RM70 sepasang, manakala perseorangan adalah RM35 seorang.

6.2) Pembayaran terus boleh dibuat ke akaun **DESTINY BADMINTON ARENA.**

*** HONG LEONG BANK (10600041641)**

*** semasa pendaftaran sertakan bukti pembayaran (RESIT)**

7) BORANG PENYERTAAN

7.1) Borang penyertaan hendaklah dihantar selewat-lewatnya sebelum jam 6 ptg, Isnin, 28 Mac 2016 bersama dengan yuran penyertaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penganjur di alamat:

DESTINY BADMINTON ARENA

Lot: 10449 Blok H, Jalan Nanas,
Batu 4 ½, Kampung Jawa,
41000 Klang, Selangor.

E-mel: ramalonanthini@gmail.com

7.2) Semua pemain perlu menyatakan nombor kad pengenalan atau sijil kelahiran mereka pada borang tersebut.

8) TARIKH, MASA & TEMPAT KEJOHANAN

Tarikh: 9 April 2016 (Sabtu)

Masa: 8.00 pagi

Tempat: Gelanggang Badminton Destiny, Lot 10449 Blok H, Batu 4 ½, Jln Nanas, Kg Jawa 41000 Klang, Selangor.

9) Bantahan

10.1) Semua bantahan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan Rasmi sahaja. Ia hendaklah dikemukakan kepada Pengadil Kehormat bersama-sama dengan yuran bantahan sebanyak Ringgit Tiga Ratus (RM300.00) tidak lewat dari tiga puluh (30) minit setelah pengadil mengumumkan keputusan. Panel juri terdiri daripada Pengadil Kehormat dan ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur. Sekiranya bantahan ditolak, yuran bantahan itu akan dilucutkan.

10) KELEWATAN

11.1) Masa 10 minit sahaja diberikan kepada setiap pemain yang datang lewat. Kemenangan percuma akan diberikan kepada pemain yang berada di gelanggang.

11) MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

12.1) Sekiranya seorang pemain menarik diri atau menyerah kalah dengan sengaja daripada pertandingan, maka lawannya akan dikira pemenang.

12) PEGAWAI TEKNIKAL

13.1) Penganjur hendaklah melantik pengadil perlawanan yang berkelayakan sepanjang kejohanan dijalankan.

13) MAKLUMAT

14.1) Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pegawai berikut:

Nanthini Ramalo	012-2737160
Destiny Badminton Arena	016-2199359

14) KEPUTUSAN

15.1) Keputusan Penganjur kejohanan bersama hasil rundingan dengan pengadil adalah muktamad.



**BORANG PENYERTAAN
KEJOHANAN BADMINTON
SEMPENA HARI WANITA SEDUNIA 2016**

Nama:

Nombor telefon:

Alamat e-mel:

a) Perseorangan wanita

Nama Pemain	No KP/Sijil lahir	Saiz Kemeja-T	*U12	*U16	Terbuka

sila tandakan (✓) pada petak yang bertanda ()

b) Beregu wanita

Nama Pemain	No KP/Sijil lahir	Saiz Kemeja-T	*U12	*U16	Terbuka

sila tandakan (✓) pada petak yang bertanda ()

c) Beregu campuran terbuka

Nama Pemain	No KP/Sijil lahir	Saiz Kemeja-T

PENGAKUAN

Saya/Kami dengan ini bersetuju dengan segala syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Saya/Kami mengaku segala keterangan yang diberikan adalah benar dan faham bahawa pihak penganjur berkuasa penuh untuk membatalkan penyertaan sekiranya saya/kami melanggar peraturan yang ditetapkan.

()